

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Buang Malware

BAGAIMANA cara untuk membuang *Malware* dalam telefon pintar berasaskan sistem Android?

- **TING, Kuantan.**

NASIHAT saya, berhati-hati ketika buat pemasangan mana-mana aplikasi komputer terutama daripada sumber yang dicurigai. Ini kerana, tanpa disedari bersama-sama dengan aplikasi itu terdapat *Malware* atau aplikasi yang dimuat turun itu sendiri merupakan sejenis *Malware*.

Kesan ketara kehadiran *Malware* dalam sistem telefon pintar berasaskan Android menyebabkan sistem telefon pintar itu menjadi perlahan, sukar untuk capai menu, terdapat skrin atau antara mukanya menjadi tidak stabil dan kadangkala *Malware* ini menghalang capaian kepada sesuatu aplikasi atau menu yang terdapat dalam sistem telefon pintar.

Jadi, seterusnya dibincangkan beberapa cara yang boleh dicuba untuk membuang *Malware* yang terdapat dalam sistem telefon pintar atau komputer tablet berasaskan sistem Android.

1 But sistem telefon pintar tersebut dalam mod selamat atau *safe mode* kerana mod normalnya mempunyai beberapa masalah seperti yang dinyatakan sebelum ini. Mod ini akan nyahaktifkan apa-apa sahaja aplikasi pihak ketiga termasuk *Malware*. Terdapat cara masuk ke dalam mod selamat yang berbeza-beza bagi setiap jenis model telefon pintar berasaskan sistem Android. Cara yang biasa digunakan untuk masuk ke dalam mod selamat ialah tekan butang *Power Off* secara lama sehingga keluar menu untuk pilihan mod selamat. Pilih menu *Safe Mode* dan tekan butang OK.

2 Sekiranya *Malware* itu mengganggu menu *Power*, cuba buat secara manual untuk tutup telefon pintar seperti menanggalkan bateri atau buat *Hard Reset*. Kebanyakan sistem Android menggunakan kaedah menekan butang *Volume* secara lama ketika but sistem untuk buat *Hard Reset*.

3 Setelah masuk ke dalam mod selamat, buat pembuangan *Malware* dengan pergi ke menu *Apps* atau *Applications* > *Downloaded*. Pilih mana-mana aplikasi yang merupakan *Malware* dan tekan butang *Uninstall*. Sekiranya butang *Uninstall* berwarna kelabu atau tidak aktif, aktifkannya dengan pergi ke menu *Security* > *Device Administrator*.

4 But semula telefon pintar ke dalam mod normal. Insya-Allah, semuanya akan kembali normal seperti biasa.